

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HBT 100 - Pengenalan Teori dan Praktik Terjemahan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** soalan. Jawab mana-mana **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Terjemahkan petikan ini ke dalam bahasa Melayu.

The morning was cool, yet not uncomfortably so. Dewdrops and tranquility reigned supreme. Flowers, streams and trees were present in perfect proportions. Birds chirped sweetly and beautifully. The air was fresh, clean and sweet-scented.

(Sumber: <http://zakros.uscd.edu>)

[b] Menurut Nida (1964), bahasa sasaran patut menghasilkan reaksi yang sama pada pembaca sasaran seperti reaksi yang dialami oleh pembaca teks asal. Sejauh manakah kenyataan Nida ini benar di dalam penterjemahan petikan di bahagian (a)?

[25 markah]

2. Dengan merujuk kepada data-data bergaris dari (i) –(iv), sahkan kebenaran ungkapan ini, “Terdapat hubungan satu lawan satu di antara perkataan dan makna.”

- [i] The curry was too hot to eat.
- [ii] She is a quick learner.
- [iii] The chicken is ready to eat.
- [iv] The flowers are in bloom.

[25 markah]

3. Jawab [a] **ATAU** [b].

- [a] Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil oleh seseorang penterjemah untuk menghasilkan terjemahan yang bermutu.
- [b] Menurut Larson (1988), pada umumnya terdapat dua jenis terjemahan; yang pertama berdasarkan bentuk dan yang satu lagi berdasarkan makna. Jelaskan pandangan ini dengan memberikan contoh-contoh jenis teks dan nama-nama lain yang biasanya digunakan oleh pihak-pihak lain seperti Nida.

[25 markah]

4. Jawab [a] dan [b].

- [a] Terangkan definisi (i), (ii) dan (iii) di bawah.

- [i] Makna rujukan
- [ii] Makna emosi
- [iii] Makna figuratif

- [b] Terjemahkan ayat-ayat di bawah ke dalam bahasa Melayu dan nyatakan sama ada ayat-ayat ini mengandungi makna rujukan, makna emosi atau makna figuratif.

- [i] I feast my eyes on the beautiful architecture.
- [ii] The ceremony was officiated by the American First Lady.
- [iii] The first act of Prime Minister Blair was to form his new cabinet.

- [iv] A cybersurfer surfs the Internet in search of interesting things.
- [v] Newspapers are a melting pot of language in action.
- [vi] My friend has taken me to task about my use of words to address our guest.
- [vii] He got the news straight from the horse's mouth.
- [viii] The host team wrapped up the match with a fourth goal after the interval.

[25 markah]

5. Jawab [a], [b] dan [c].

[a] Apakah yang dimaksudkan dengan budaya dalam penterjemahan?

[b] Terjemahkan petikan di bawah ke dalam bahasa Melayu:

The first time we came to the Kalahari, we spent several months looking for Bushmen. It was very hard for us to find them because they are shy of any stranger. If they believe you are coming, they run away like foxes to hide in the grass until you have gone. Their tiny huts, dome-shaped and made of grass, are also inconspicuous. I once walked right into an empty werf, as their tiny villages are called, and didn't see the little scherms, or huts hidden in the grass until I noticed a small skin bag dangling in a shadow, which was a doorway.

[c] Berikan contoh-contoh masalah yang anda hadapi dalam menterjemah petikan di atas yang merujuk kepada unsur budaya.

[25 markah]